



Majlis Antarabangsa
Bahasa Melayu (MABM)

PERSIDANGAN ANTARABANGSA MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU KEEMPAT 2015

“Bahasa Melayu dalam Konteks
Budaya”

26-28 Mei 2015

Goethe-Universitat Frankfurt

Frankfurt, Jerman

PERSIDANGAN ANTARABANGSA MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU KEEMPAT 2015

LATAR BELAKANG

Persidangan ini bertitik mula dengan kesedaran daripada Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu Pertama (2012), Kedua (2013), dan Ketiga yang bertemakan “Menebar Jaringan Kebahasaan Bahasa Melayu” pada 25-27 November 2014. Terdapat minat dan sambutan yang mendalam agar diadakan persidangan yang akan datang di luar negara, iaitu di Frankfurt, Jerman.

Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa antarabangsa sepatutnya berkembang begitu dinamis untuk memenuhi pelbagai fungsinya sama ada di Malaysia mahupun di luar negara. Terdapat peruntukan dan infrastruktur yang mencukupi tetapi kekurangan iltizam ke arah melaksanakan upaya bahasa Melayu dalam ranah tertentu. Oleh hal yang demikian, telah diadakan persidangan antarabangsa memartabatkan bahasa Melayu yang dinyatakan di atas. Hasil daripada persidangan tersebut, dirasakan wujud keperluan untuk mengangkat bahasa Melayu ke persada dunia dan sekali gus memfokus pada aspek budaya bahasa Melayu demi mewujudkan kefahaman dan kerjasama dengan pihak di luar negara. Oleh itu, dianjurkan persidangan keempat pada tahun 2015 yang akan diadakan di Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Goethe-Universitat Frankfurt, Jerman.

RASIONAL

Isu mengangkat bahasa Melayu ke persada dunia demi mewujudkan kefahaman dan kerjasama dengan pihak di luar negara perlu dialu-alukan. Dengan fokus pada aspek budaya, persidangan ini diharap dapat merealisasikan kefahaman dan kerjasama tersebut.

TUJUAN

Kegiatan ini bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti aspek budaya dalam bahasa Melayu.
2. Mempertemukan para ilmuwan bahasa Melayu di seluruh dunia.
3. Melakarkan rangka tindakan susulan hasil daripada persidangan.
4. Meningkatkan kolaborasi antara UPSI dengan institusi luar dalam pengembangan bahasa Melayu.

TEMA

“BAHASA MELAYU DALAM KONTEKS BUDAYA”

Subtema

1. Isu budaya dalam pengajian bahasa Melayu
2. Isu budaya dalam pendidikan bahasa Melayu
3. Tatabahasa dalam konteks budaya
4. Semantik dan Pragmatik
5. Kesantunan
6. Bahan budaya dalam pengajaran bahasa Melayu
7. Terjemahan
8. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing
9. Subdisiplin bahasa Melayu yang lain

PEMBENTANG

1. Sarjana bahasa dalam pelbagai disiplin
2. Pengurus institusi pendidikan bahasa
3. Guru-guru pakar
4. Pengkaji dan pencinta bahasa Melayu

PANDUAN BAGI PEMAKALAH PENDAMPING

Abstrak dan makalah lengkap digalakkan ditulis dalam bahasa Melayu dan diemelkan kepada martabatkeempat@gmail.com.

ABSTRAK

- Fon Times New Roman 12
- Tidak lebih daripada 120 patah perkataan (mengandungi objektif, metodologi, dapatan dan implikasi)
- Selain itu, abstrak juga mestilah mengandungi maklumat yang berikut:
 - i. Judul kertas kerja
 - ii. Nama lengkap pembentang
 - iii. Nama Institusi
 - iv. Alamat e-mel

Tarikh akhir penerimaan abstrak: 13 Mac 2015 (Jumaat)

KERTAS KERJA

Tarikh akhir penerimaan kertas kerja ialah 17 April 2015. Kertas kerja akan diterbitkan dalam bentuk CD sebagai prosiding persidangan. Walau bagaimanapun, kertas kerja terpilih akan diterbitkan dalam jurnal berwasit.

BAHASA PEMBENTANGAN

Digalakkan dalam bahasa Melayu.

ALAMAT URUS SETIA

JABATAN BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 TANJONG MALIM
MALAYSIA
Tel: 05-4506158
Faks: 05-4583603
E-mel : martabatkeempat@gmail.com

YURAN PENDAFTARAN

RM500.00 (PESERTA DAN PEMBENTANG)
RM1200.00 (3 PESERTA DARIPADA INSTITUSI YANG SAMA)

Yuran pendaftaran meliputi buku program, prosiding persidangan dan jamuan ringan.

CARA PEMBAYARAN

Pembayaran hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada atau sebelum 17 April 2015. Pembayaran tersebut hendaklah atas nama Bendahari UPSI (No. Akaun: 08068010003264) melalui Banker's Cheque, Bank Draft, atau Telegraphic Transfer (SWIFT Code: BIMBBMYKL).

Sila imbas dan emelkan bukti pembayaran kepada urus setia (martabatkeempat@gmail.com) bagi tujuan pengesahan pembayaran.

BORANG PENDAFTARAN

PERSIDANGAN ANTARABANGSA MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU KEEMPAT 2015 "BAHASA MELAYU DALAM KONTEKS BUDAYA"

Goethe-Universitat Frankfurt

Frankfurt, Jerman

26-28 Mei 2015

MAKLUMAT PERIBADI

NAMA :

GELARAN AKADEMIK :

INSTITUSI :

Saya mendaftar sebagai :

Peserta
Pembentang
Institusi

Judul Kertas Kerja:

.....

.....

Alamat :

.....

.....

Tel (R/ K) :

Tel (HP) :

E-mel :

Tarikh: :

Sila e-mel Borang Pendaftaran dan bukti pembayaran kepada martabatkeempat@gmail.com pada sebelum 17 April 2015